

KEMUDAHAN BEBAS HALANGAN UNTUK ORANG KELAINAN UPAYA  
DI UNIVERSITI

NUR ZULIYANA BINTI MUSTAFA

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi

syarat penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan

Fakulti Alam Bina

Universiti Teknologi Malaysia

MEI, 2011

## **PENGHARGAAN**

Ingin saya panjatkan kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat saya menyiapkan penulisan Projek Sarjana Muda (PSM) bagi memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan.

Jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Prof. Madya Dr Fadhliln Abdullah selaku penyelia Projek Sarjana Muda (PSM) ini. Semoga dihalalkan segala ilmu yang dicurahkan kepada saya sepanjang tempoh menyiapkan penyelidikan ini.

Juga terima kasih kepada keluarga yang banyak memberi sokongan yang amat membantu. Terima kasih juga kerana sentiasa berada di sisi ketika susah dan senang.

Sekalung penghargaan juga diucapkan kepada individu-individu yang terlibat secara langsung dalam menyiapkan kajian ini.

Tidak lupa juga buat rakan-rakan seperjuangan yang sentiasa memberi sokongan dan nasihat sepanjang kajian ini. Semoga persahabatan ini berkekalan hingga ke akhir hayat.

## ABSTRAK

Kemasukan pelajar OKU ke institusi-institusi pengajian tinggi semakin ramai pada masa kini. Hal ini kerana, sebagai usaha kerajaan untuk memberi hak yang sama rata kepada semua golongan masyarakat tidak terkecuali golongan OKU dan juga memberi peluang kepada golongan OKU untuk mendapatkan pendidikan. Pindaan Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS) telah dibuat dengan menambah undang-undang kecil 34A untuk mewajibkan semua bangunan awam yang boleh dikunjungi, disediakan kemudahan akses OKU bagi menyediakan persekitaran bebas halangan untuk kemudahan OKU termasuklah di institusi-institusi pengajian tinggi yang perlu menyediakan kemudahan bebas halangan untuk pelajar OKU. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk mengenalpasti samada kemudahan OKU yang disediakan mengikut piawaian yang ditetapkan atau tidak. Begitu juga untuk mengenalpasti kos untuk menyediakan kemudahan OKU. Melalui kajian tapak yang dijalankan ke atas beberapa bangunan di lima buah universiti di Malaysia, terdapat kemudahan-kemudahan OKU yang disediakan masih tidak mengikut piawaian. Purata peratusan kemudahan OKU yang tidak mengikut piawaian ialah 25%. Selain itu, melalui senarai kuantiti, didapati bahawa purata kos untuk menyediakan 75% kemudahan OKU pada bangunan yang dikaji adalah 2.2% daripada kos keseluruhan bangunan yang dikaji. Walaupun, kos untuk menyediakan kemudahan OKU yang lengkap akan melebihi 2.2%, namun kos tersebut boleh dianggap tidak membebankan.

## **ABSTRACT**

Nowadays, more and more disabled students are accepted into higher education institutions. This is because, as government efforts to provide equal rights to all communities including the disabled and also provide opportunities for disabled people to get education. Amended By-Laws of the Uniform Building (UKBS) was made by adding 34A-laws that requires all public buildings to be provided with disabled facilities to provide barrier free environment for the disable. Hence, institutions of higher learning should also provide barrier-free facilities for disabled students. The purpose of this research is to determine whether the disabled facilities provided are in accordance with the standards. The research also determines the cost of providing disabled facilities in higher education institutions buildings. Through a survey conducted on several buildings at five universities in Malaysia, there are still disabled facilities available that are not accordance with the standards required. The average percentage of disabled facilities not according to standards is 25%. In addition, based on the bills of quantities, it was found that the average cost of providing 75% of disabled facilities of the building studied was 2.2% of the total cost of the buildings. Although, the costs of providing complete disabled facilities would be more than 2.2%, the cost can be considered as not burdensome.